

02/10/2002

Tiba masanya masyarakat henti pertelagahan budaya

MENGENAI hal tamadun Melayu, saya tidak pasti sama ada pandangan saya menyamai pemikiran Profesor Diraja Ungku Aziz. Sebagai permulaan, saya ingin bertanya apakah kita benar-benar tahu apa yang hendak kita perkatakan di bawah tajuk Tamadun Melayu ini. Apakah wujud perkara seumpama itu dan apakah bentuknya? Apakah kita mempunyai tamadun dan kehilangannya? Apakah kita tidak pernah memilikinya? Apakah kita mempunyainya sekarang?

Sama ada kecemerlangan sebuah tamadun terletak pada penjelmaan keindahannya dalam sastera dan seni, agama dan kepercayaannya, etika dan sistem nilainya, ideologi kemasyarakatan dan siasahnya atau daya penciptaan ekonomi dan teknologinya, kita mengukur perkembangannya mengikut masa.

Pada satu-satu ketika dalam sesuatu tamadun, kita menilai masa kininya dengan masa lampau dan masa depannya. Kemuncak sesuatu tamadun itu adalah berbanding dengan keadaan malapnya. Ia tidak pernah mutlak.

Kita hanya mungkin dapat bercakap mengenai kegemilangan sesuatu tamadun daripada segi hakikatnya apabila tamadun itu tidak wujud lagi, iaitu apabila ia sudah pupus. Lantas kita merujuk kepada kegemilangan tamadun Greek purba pada keagungan falsafahnya, begitu juga tamadun Rom, Mesir dan Byzantin dan seterusnya. Jangka masa dalam sesuatu tamadun dianggap cemerlang hanya dengan menghitung satu atau beberapa aspek kemajuan saja.

Mengikut Arnold Toynbee, tamadun adalah satu institusi dinamik, satu keusahawanan manusia yang mencetuskan ciri-ciri budaya yang amat canggih, baik dari segi kebendaan mahupun kerohanian. Tamadun bukanlah satu perkara yang jumud tetapi adalah satu pergerakan dari segi ilham, etika dan keindahan, keagamaan dan akhlak, organisasi sosial dan urus tadbir, penciptaan dan teknologi.

Aspek-aspek tamadun ini menonjol apabila ia meninggalkan satu kesan yang positif dan berkekalan terhadap manusia. Sesuatu tamadun menonjol apabila pencapaiannya secara positif meninggalkan kesan terhadap manusia zamannya dan manusia tamadun lain buat selama-lamanya. Lantas sesetengah orang Islam bersikap anti-tamadun. Mereka mahu menghapuskan segala-galanya, dan memulakan penghidupan mereka dari paras sifar sebagaimana Pol Pot, dengan penghapusan dan pembinasaan.

Sejarah budaya orang Melayu berusia sekurang-kurangnya 1,000 tahun. Bagi mencari asal-usulnya, cendekiawan mungkin perlu melihat kepada kerajaan pertama Hindu di kawasan Gugusan Melayu pada abad ke-8 dan ke-9. Tidak dipertikaikan bahawa kebudayaan Melayu yang diwarisi sekarang mempunyai asal usul yang tinggi tamadunnya. Telah wujud satu susunan kemasyarakatan yang terjalin erat, pengkelasan anggota masyarakat mengikut tahap pendidikan dan peranan, penekanan agama terhadap celik-huruf, ekonomi yang bergerak cergas dan jalinan pentadbiran menjadikannya satu tamadun.

Apa yang wujud pada abad ke-15 sebagai Kesultanan Melaka dan kemudian Empayar adalah hasil kejayaan cemerlang pencapaian Hindu dan Buddha purba selama 500 tahun. Dengan kedatangan Islam dan penerimaannya oleh orang Melayu secara menyeluruh dan begitu cepat, lapisan identiti budaya yang terakhir dan paling kukuh diterapkan kepada daya pemikiran Melayu yang kaya dan kompleks.

Sehingga hari ini, hakikat bahawa Islam terpahat ke dalam budaya Melayu mungkin dapat dilihat mencapai kesan tamadunnya yang teragung di Malaysia, di mana identiti agama dan budayanya kini tidak bertepi dengan yang satu

memperkayakan yang satu lagi.

Sehingga pengimportan apa yang dipanggil fahaman Islamisme baru-baru ini, yang saya anggap sebagai hasil daripada semangat revolusi Islam yang berkobar-kobar di rantau Timur Tengah pada tahun-tahun 70-an, orang Melayu mungkin tidak sewarak sebagaimana dilihat hari ini. Wanita Melayu hanya mula menanggalkan baju kebaya mereka untuk memakai baju kurung dan tudung pada tahun-tahun 1970-an. Saya masih ingat lagi satu masa hanya ada tiga orang haji di kampung saya tetapi hari ini ada beratus-ratus orang.

Tetapi jangan sekali-kali berpendapat bahawa kehidupan orang Melayu dulu lebih bebas dan tidak bermoral berbanding hari ini. Sebaliknya, orang Melayu mementingkan 'air muka' mereka. Mereka mempunyai perasaan malu yang teramat sangat dan sedar bahawa kelakuan seseorang haruslah mengekalkan maruah masyarakat. Ada satu masa apabila sumbang mahram, zina, pergaulan bebas dan rogol hampir tidak kedengaran berlaku. Mungkin zina berlaku - mungkin agak mustahil ia tidak berlaku - tetapi ia tidak dianggap perkara biasa atau sesuatu yang dapat diterima.

Hari ini, jika saya dibenarkan untuk menggembar-gemburkannya sedikit, agama itu sendiri diperalatkan untuk merogol. Agama digunakan untuk menggertak, menakut-nakutkan, memujuk dan menghina. Ini menepati definisi klasik rogol, iaitu manifestasi kuasa, bukan nafsu syahwat.

Bagaimanapun, saya percaya sifat keterlaluan dalam amalan politik agama ini hanyalah secebis kecil daripada kefahaman mendalam dan ketulusan tamadun Melayu. Ada berbagai perkara mengenai kita yang berusia beribu-ribu tahun lebih tua daripada Islam walaupun Islam membawa kita kepada kemodenan dan menjadi bangsa yang bersemangat.

Ini adalah pandangan saya. Bagaimanapun, saya tahu bahawa ramai yang lain mungkin berpendapat sebaliknya: bahawa di antara sifat keMelayuan dan Islam wujud konflik mendalam, contohnya dalam muzik, sastera, teater dan tarian, yang telah menyebabkan kita meninggalkan banyak penampilan budaya Melayu sebagai bertentangan dengan Islam.

Pada hakikatnya, jika ditinjau beberapa isu politik melampau sejak akhir-akhir ini, nampaknya orang Melayu sudah mula meninggalkan apa yang mungkin musuh ketat mereka akui 500 tahun lalu sebagai nilai suci mereka dalam soal pemikiran dan ucapan, dan keunggulan kelakuan.

Memang benar sebagaimana dinyatakan Dr Mahathir Mohamad dalam buku beliau 'The Malay Dilemma' lebih 30 tahun lalu, nilai-nilai ini telah diperhalusi hingga merosakkan, kerana ia bermakna orang Melayu menjadi semakin lemah lembut, begitu bersikap terbuka dan menerima siapa saja yang mahu ke sini dan mencari kekayaan di tanah air orang Melayu.

Dr Mahathir kemudian menghabiskan seluruh kerjayanya cuba menyuntik sedikit kekuatan kepada jiwa Melayu. Tidak ada gunanya begitu bermurah hati dan baik hati jika ini bermakna orang luar datang dan mengaut segala apa yang kita ada dan kemudian cuba menjadikan anda, keluarga dan keturunan anda sebagai hamba sekali.

Tetapi mungkin usaha gigih bagi menjadikan orang Melayu lebih dinamik dan agresif, terutama daripada segi kekuatan politik dan pencapaian ekonomi, telah mendatangkan kesan buruk.

Adalah sesuatu yang amat menyedihkan bagi orang Melayu jika fahaman agama mereka - tentunya satu ciri suci dalam diri mereka - akhirnya memecahbelahkan masyarakat mereka dan mencetuskan ejekan di kalangan golongan muda. Lebih buruk lagi jika kita sudah membuang segala kehalusan, ketampanan, pemikiran mendalam dan keayuan dunia Melayu dan menggantikannya dengan budaya moden bertunjangkan sifat tamak, mementingkan diri dan mengangkat diri sendiri dengan mengetepikan yang lain.

Adakah wujud apa yang dikatakan sebagai perniagaan orang Melayu? Atau perniagaan adalah sebenarnya perniagaan yang diukur sama ada ia dijalankan

secara betul atau penuh kesilapan, dengan keuntungan atau kerugian, tidak kira sama ada membabitkan Melayu, Cina, orang India atau apa saja?

Dan bagaimana dengan penggunaan bahasa Inggeris? Mereka daripada kalangan cendekiawan awal Melayu dan penulis yang menggunakan bahasa Arab atau Inggeris sama banyaknya dengan bahasa Melayu tidak menjadi kurang keMelayuannya oleh kerana sikap mereka itu, begitu juga kita hari ini. Saya bercakap kepada anda dalam bahasa Inggeris, dan saya yakin anda bukan saja memahami perkataan saya tetapi juga mampu menolak segala apa yang saya katakan ini dengan bahasa yang sama. Apakah anda menjadi kurang Melayu, Cina, India atau apa saja kerana itu?

Masanya sudah tiba kita berhenti bertelagah mengenai budaya hidup kita kerana perkara seperti pemilihan bahasa. Apa yang ideal adalah setiap seorang daripada kita celik-huruf dan fasih dalam bahasa masing-masing. Itu mungkin sesuatu yang mustahil daripada segi intelektual bagi kebanyakan daripada kita, tetapi ia harus sentiasa menjadi satu matlamat yang berfaedah dicapai dalam soal penggunaan bahasa di negara ini.

Saya harap persidangan ini akan dapat mengkaji soalan-soalan ini dengan lebih mendalam lagi, kerana saya khuatir bahawa budaya Melayu - malah semua budaya kita - menghadapi risiko bukannya ditakluki oleh pengaruh asing yang lain, idea atau secara paksaan tetapi akibat sikap tidak peduli belia kita.

Kita diingatkan bahawa sikap memberontak belia biasanya adalah satu kuasa penggerak dalam sebarang masyarakat pada satu-satu masa, dan jika tidak kerana sikap membantah Bill Gates, mungkin tidak akan ada Microsoft. Benar, tetapi tidaklah semestinya setiap sikap memberontak belia seperti kegilaan mencucuk pusat dan berpakaian kotor-bolor adalah seumpama Bill Gates.

Saya pernah melihat orang pergi ke majlis perkahwinan memakai jeans. Tidak ada yang salah dengan jeans - saya sekali-sekala memakainya - dan memakai jeans tidak bermakna kita menghakis budaya.

Tetapi menghadiri majlis perkahwinan dengan memakainya, membawa maksud simbol budaya Barat ini bermakna anda lupa siapa dan di mana anda berada dan betapa anda diharap menjaga sopan santun.

Di sinilah soal tamadun dan budaya membawa kita kepada soal nilai kehidupan. Salah satu ciri menonjol cara hidup Melayu lahir daripada sistem nilai keluarga dan masyarakat kampung amnya.

Hubungan di antara keluarga dan kaum kerabat bukanlah satu perkara untuk klasifikasi dan gambaran akademik semata-mata. Ia dipatuhi dan dipegang kuat dalam kehidupan sehari-hari masyarakat. Rumah keluarga biasanya dihuni bersama oleh dua atau tiga generasi. Adat resam perkahwinan masyarakat tani menggalakkan perkahwinan sesama sepupu, meluaskan pertalian keluarga dan kaum kerabat kepada jiran tetangga dan kadangkala ke seluruh kampung dan kampung berdekatan. Ikatan kekeluargaan begitu kuat dan sistem sokongan juga begitu teguh.

Tekanan tamadun Barat dan idea mengenai kelebihan keluarga kecil turut menjejaskan sistem keluarga besar Melayu. Mungkin sesetengah daripada anda di sini sedang mengkaji pecahan masyarakat tradisional Melayu. Saya percaya anda betul dalam penilaian akademik anda mengenai fenomena ini dalam tamadun Melayu. Sistem kekeluargaan dalam hampir setiap tamadun moden sedang dicabar.

Itupun, di peringkat peribadi saya berulang kali berasa terperanjat oleh sokongan anggota keluarga dalam masa krisis hebat atau keriang. Majlis perkahwinan di bandar-bandar dan upacara pengebumian (dua perkara penting dalam hidup kita ini) membuat semua anggota keluarga besar, iaitu adik-beradik dan sanak-saudara berhimpun meraikannya dari segenap pelosok kampung untuk turut sama dalam majlis keraian atau turut bersedih kematian seorang saudara.

Keramaian majlis perkahwinan adalah satu upacara besar-besaran membabitkan seluruh masyarakat, bukannya perhimpunan sulit sebagaimana di Barat. Sebagaimana upacara pengebumian di kampung dihadiri oleh seluruh penduduk untuk mengiringi jenazah ke tanah perkuburan, upacara pengebumian orang Melayu di bandar juga turut dihadiri ramai kenalan dan penduduk. Seorang saudara apabila mendengar anda terlantar di hospital pasti akan segera disertai sanak saudara dan sahabat-handai datang berziarah. Anak-anak pula akan mendatangi ibu atau bapa yang sakit untuk memberi sokongan fizikal, kewangan dan emosi.

Jadi, adakah ini sesuatu yang baik atau buruk mengenai sistem nilai Melayu? Dan bagaimana pula peluasan diaspora Melayu dan kekerapan perkahwinan campur, di mana pengaruh budaya digarap dan sifat sentimental dikurangkan oleh jarak?

Ada sesetengah daripada kita sudah pasti berhujah mempertahankan hak individu terhadap 'privacy' dan lain-lain hal hak asasi manusia. Ada yang berhujah akan ketiadaan sistem kebajikan negeri yang cekap meletakkan tanggungjawab ini ke atas individu yang keberatan. Orang tua dan golongan berumur seharusnya dibenarkan mengekalkan maruah dan kebebasan dengan menikmati penjagaan kebajikan, demikianlah paradoksnya berlanjutan. Inilah butir untuk ahli akademik seperti anda pertimbangkan.

Bagi saya, ini adalah satu aspek tamadun Melayu yang menonjol dan patut dipelihara selamanya. Ia adalah satu aspek budaya Melayu yang menampung masyarakat Melayu dan menahannya daripada serangan hebat pemodenan. Sistem nilai kekeluargaan kita memang patut dipelihara sepanjang masa.

Saya tidak anggap identiti budaya mudah luput tetapi tetap kekal dalam jiwa. Siapa dan apa pegangan anda tidak diukur daripada apa yang anda makan, pakai dan cakap, tetapi bagaimana anda berfikir dan sikap anda. Inilah yang patut kita beri perhatian berat, kerana di sinilah timbulnya kemudaratan, masalah timbul dan penyelesaian perlu dicari.

Melayu baru kini diserang dengan pelbagai bentuk peluang, cabaran, persaingan, budaya korporat dan globalisasi dan dalam proses itu, kehilangan kemantapan jiwanya, sifat malu dan lemah lembutnya dalam menghadapi perkara lain.

Saya harap persidangan ini akan memberi gambaran lebih jelas mengenai perkara berkenaan. Mungkin dengan mengkaji sekali lagi ke dalam inti pati dan sifat tamadun Melayu melalui sejarah, kita mungkin dapat mengingatkan diri kita betapa dalamnya dan luasnya, bahaya dan prospek akan apa yang diperlukan untuk menjadi orang Melayu pada abad ke-21.

Jika begitu, saya amat berharap kita juga akan mengetahui ancaman paling besar dihadapi oleh tamadun kita bukannya dari luar tetapi bersifat dalaman dan bolehlah disimpulkan sebagai ancaman berupa sikap tidak cemerlang, tidak peduli terhadap mutu, tidak apa dan pemikiran yang cetek.

Tamadun Melayu telah berjaya bertahan gelombang demi gelombang serangan dan penindasan selama 1,000 tahun, dan kekal berdiri lama selepas setiap penakluk hilang dalam lipatan sejarah. Dari itu adalah menjadi kemuncak keanehan sejarah untuk orang Melayu hilang di dunia kerana kedangkalan, ketidakcekapan dan kewujudan yang tidak diperlukan lagi. Bahawa kita akan pupus bukan dengan sorak-sorai tetapi kejelekan, bukan melalui perjuangan tetapi kemusnahan, bukan melalui kemenangan di medan juang tetapi kerana ketinggalan zaman - jika ini berlaku ia akan menjadi episod sedih bagi salah satu kisah tamadun agung yang tidak dibela.

Adalah diharapkan persidangan seperti ini akan terus membantu menghindarkan perkara itu daripada berlaku.